

26 JUL 1997

MSC-Kos

RM1,600 JUTA UNTUK 15 PROJEK PERTAMA MSC

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) hari ini menganggarkan RM1,600 juta diperlukan untuk melaksanakan 15 projek perintis di bawah empat Aplikasi Teras Koridor Raya Multimedia (MSC).

Pengerusi Eksekutif MDC Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah berkata anggaran itu mungkin berubah selepas ia menerima sebutharga daripada syarikat-syarikat yang berminat untuk melaksanakan 15 projek terbabit.

"Jumlah itu adalah anggaran kami ... tetapi kos sebenar akan dapat diketahui selepas kami menerima sebutharga daripada syarikat-syarikat yang menerima Konsep Cadangan Permohonan Tender (CRFP)," kata beliau kepada pemberita selepas pelancaran CRFP oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Daripada 15 projek itu, lima adalah projek Kerajaan Elektronik, lima projek Sekolah Bestari, empat projek Teleperubatan dan satu projek Kad Pelbagaiguna.

Dr Othman berkata syarikat-syarikat tempatan dan asing boleh mengemukakan cadangan terbaik masing-masing bagi melaksanakan projek-projek itu dengan berpandukan kepada CRFP itu.

Beliau berkata CRFP itu, yang dirangka MDC dengan bantuan agensi-agensi kerajaan dan pakar-pakar bertaraf dunia, akan memberikan kelonggaran kepada syarikat-syarikat terbabit untuk mencadangkan kaedah yang difikirkan terbaik di dalam melaksanakan projek-projek itu.

Ketika ditanya mengenai proses pemilihan syarikat-syarikat yang akan melaksanakan projek berkenaan, Dr Othman berkata MDC akan memilih syarikat yang mencadangkan kaedah terbaik.

Sebagai contoh, beliau berkata Pasukan Petugas Sekolah Bestari akan menyenarai pendekkan syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa yang mengambil bahagian dalam lima CRFP itu secara berasingan dan kemudian akan menggalakkan syarikat-syarikat yang terpilih supaya bergabung bagi melaksanakan projek Sekolah Bestari secara bersepadu.

Beliau berkata semua proses pemilihan akan tamat menjelang penghujung tahun ini dan projek-projek perintis itu dijangka akan siap dalam tahun 2000. -- BERNAMA.

HJ MZ AHH